

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JUN 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

‘Bukan hapus subsidi, tapi beri terus kepada rakyat’

Subsidi bersasar diesel

## ‘Bukan hapus subsidi, tapi beri terus kepada rakyat’

Rafizi perjas  
isu kenapa  
harga minyak  
tidak turun

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof  
bhnews@bh.com.my

**Nibong Tebal:** Kerajaan tidak pernah membatalkan subsidi bahan api, termasuk diesel mencecah RM60 bilion setahun sebaliknya mengalihkannya dengan memberikannya terus kepada rakyat.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata sebelum ini subsidi dibayar kepada beberapa syarikat minyak saban tahun, berbeza dengan langkah kerajaan ketika ini yang terus mengagihkannya, termasuk kepada keluarga yang menikmati pembiayaan serendah RM200 hingga RM500 sebulan.

“Zaman minyak dulu yang harga RM1.90 tahu tak berapa harga minyak mentah masa itu? Tahu tak berapa subsidi yang kerajaan kena belanjakan? Sikit saja (ditanggung kerajaan kerana) masa itu subsidi kena belanja RM3 bilion daripada bajet RM200 bilion lebih.

“Sekarang subsidi RM60 bilion dengan harga minyak mentah AS\$80 (setong), saya sebut dulu (turunkan harga minyak) kalau harga minyak mentah rendah dan subsidi itu masih lagi boleh ditanggung kenapa nak hapuskan subsidi.

“(Sekarang) bila subsidi su-



**RM60b**

Nilai subsidi bahan api setahun yang ditanggung kerajaan

**RM500**

Nilai pembiayaan sebulan diagih kepada rakyat yang layak

**AS\$80**

Setong harga minyak mentah dunia

dah jadi RM80 bilion nak buat sekolah tak boleh, nak naik gaji tak boleh dan subsidi menyebabkan harga (minyak) yang rendah itu yang dapatnya orang kaya-kaya, bukankah lebih baik kita alihkan subsidi itu, bukanlah kita batalkan.

“(Kita) alih subsidi maksudnya subsidi terus diberi. Diesel kenderaan awam, lori kecil, pikap, peniaga semua dapat, malah orang biasa gaji RM100,000 ke bawah setahun pun dapat atau kita agihkan kepada kelu-

arga biar dapat subsidi minyak tiap-tiap bulan RM200, RM300, RM400 (atau) RM500,” katanya pada majlis pelancaran Jentera Pilihan Raya Kecil DUN Nibong Tebal, malam kelmarin.

### Laksana anjakan besar

Dalam pada itu, Rafizi turut menyuarakan keyakinan bahawa rakyat akan dapat melihat dengan lebih baik bagaimana peruntukan subsidi itu disalurkan kepada isi rumah berbanding terus dibayar kepada sya-

rikat minyak.

Sebelum ini, Rafizi pernah dilaporkan berkata, kerajaan dijangka menanggung subsidi lebih RM100 bilion setahun jika harga minyak mentah dunia mencecah AS\$100 setong, melainkan reformasi dilaksanakan terhadap sistem subsidi.

Menurutnya, perbincangan berkenaan subsidi bersasar tidak dapat dielak apabila melibatkan anjakan besar yang perlu dilaksanakan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara.